



Maklumat	Nama Kampung	Jenis Kampung	bilangan Penduduk	
1	Sungai Sebat	Taman Lintang	Kampung Tersepuh	1027
2	Tanjung Sebat	Bondai Peribuat	Kampung Tersepuh	4500
3	Sungai Sebat	Kg. Nuri 1	Perumahan	150
4	Sungai Sebat	Kg. Nuri 2	Perumahan	150
5	Sungai Sebat	Kg. Nuri 3	Perumahan	150
6	Sungai Sebat	Kg. Nuri 4	Perumahan	150
7	Sungai Sebat	Kg. Nuri 5	Perumahan	150
8	Sungai Sebat	Kg. Nuri 6	Perumahan	150
9	Sungai Sebat	Kg. Nuri 7	Perumahan	150
10	Sungai Sebat	Kg. Nuri 8	Perumahan	150
11	Sungai Sebat	Kg. Nuri 9	Perumahan	150
12	Sungai Sebat	Kg. Nuri 10	Perumahan	150
13	Sungai Sebat	Kg. Nuri 11	Perumahan	150
14	Sungai Sebat	Kg. Nuri 12	Perumahan	150
15	Sungai Sebat	Kg. Nuri 13	Perumahan	150
16	Sungai Sebat	Kg. Nuri 14	Perumahan	150
17	Sungai Sebat	Kg. Nuri 15	Perumahan	150
18	Sungai Sebat	Kg. Nuri 16	Perumahan	150
19	Sungai Sebat	Kg. Nuri 17	Perumahan	150
20	Sungai Sebat	Kg. Nuri 18	Perumahan	150
21	Sungai Sebat	Kg. Nuri 19	Perumahan	150
22	Sungai Sebat	Kg. Nuri 20	Perumahan	150
23	Sungai Sebat	Kg. Nuri 21	Perumahan	150
24	Sungai Sebat	Kg. Nuri 22	Perumahan	150
25	Sungai Sebat	Kg. Nuri 23	Perumahan	150
26	Sungai Sebat	Kg. Nuri 24	Perumahan	150
27	Sungai Sebat	Kg. Nuri 25	Perumahan	150
28	Sungai Sebat	Kg. Nuri 26	Perumahan	150
29	Sungai Sebat	Kg. Nuri 27	Perumahan	150
30	Sungai Sebat	Kg. Nuri 28	Perumahan	150
31	Sungai Sebat	Kg. Nuri 29	Perumahan	150
32	Sungai Sebat	Kg. Nuri 30	Perumahan	150
33	Sungai Sebat	Kg. Nuri 31	Perumahan	150
34	Sungai Sebat	Kg. Nuri 32	Perumahan	150
35	Sungai Sebat	Kg. Nuri 33	Perumahan	150
36	Sungai Sebat	Kg. Nuri 34	Perumahan	150
37	Sungai Sebat	Kg. Nuri 35	Perumahan	150
38	Sungai Sebat	Kg. Nuri 36	Perumahan	150
39	Sungai Sebat	Kg. Nuri 37	Perumahan	150
40	Sungai Sebat	Kg. Nuri 38	Perumahan	150
41	Sungai Sebat	Kg. Nuri 39	Perumahan	150
42	Sungai Sebat	Kg. Nuri 40	Perumahan	150
43	Sungai Sebat	Kg. Nuri 41	Perumahan	150
44	Sungai Sebat	Kg. Nuri 42	Perumahan	150
45	Sungai Sebat	Kg. Nuri 43	Perumahan	150
46	Sungai Sebat	Kg. Nuri 44	Perumahan	150
47	Sungai Sebat	Kg. Nuri 45	Perumahan	150
48	Sungai Sebat	Kg. Nuri 46	Perumahan	150
49	Sungai Sebat	Kg. Nuri 47	Perumahan	150
50	Sungai Sebat	Kg. Nuri 48	Perumahan	150
51	Sungai Sebat	Kg. Nuri 49	Perumahan	150
52	Sungai Sebat	Kg. Nuri 50	Perumahan	150
53	Sungai Sebat	Kg. Nuri 51	Perumahan	150
54	Sungai Sebat	Kg. Nuri 52	Perumahan	150
55	Sungai Sebat	Kg. Nuri 53	Perumahan	150
56	Sungai Sebat	Kg. Nuri 54	Perumahan	150
57	Sungai Sebat	Kg. Nuri 55	Perumahan	150
58	Sungai Sebat	Kg. Nuri 56	Perumahan	150
59	Sungai Sebat	Kg. Nuri 57	Perumahan	150
60	Sungai Sebat	Kg. Nuri 58	Perumahan	150
61	Sungai Sebat	Kg. Nuri 59	Perumahan	150
62	Sungai Sebat	Kg. Nuri 60	Perumahan	150
63	Sungai Sebat	Kg. Nuri 61	Perumahan	150
64	Sungai Sebat	Kg. Nuri 62	Perumahan	150
65	Sungai Sebat	Kg. Nuri 63	Perumahan	150
66	Sungai Sebat	Kg. Nuri 64	Perumahan	150
67	Sungai Sebat	Kg. Nuri 65	Perumahan	150
68	Sungai Sebat	Kg. Nuri 66	Perumahan	150
69	Sungai Sebat	Kg. Nuri 67	Perumahan	150
70	Sungai Sebat	Kg. Nuri 68	Perumahan	150
71	Sungai Sebat	Kg. Nuri 69	Perumahan	150
72	Sungai Sebat	Kg. Nuri 70	Perumahan	150
73	Sungai Sebat	Kg. Nuri 71	Perumahan	150
74	Sungai Sebat	Kg. Nuri 72	Perumahan	150
75	Sungai Sebat	Kg. Nuri 73	Perumahan	150
76	Sungai Sebat	Kg. Nuri 74	Perumahan	150
77	Sungai Sebat	Kg. Nuri 75	Perumahan	150
78	Sungai Sebat	Kg. Nuri 76	Perumahan	150
79	Sungai Sebat	Kg. Nuri 77	Perumahan	150
80	Sungai Sebat	Kg. Nuri 78	Perumahan	150
81	Sungai Sebat	Kg. Nuri 79	Perumahan	150
82	Sungai Sebat	Kg. Nuri 80	Perumahan	150
83	Sungai Sebat	Kg. Nuri 81	Perumahan	150
84	Sungai Sebat	Kg. Nuri 82	Perumahan	150
85	Sungai Sebat	Kg. Nuri 83	Perumahan	150
86	Sungai Sebat	Kg. Nuri 84	Perumahan	150
87	Sungai Sebat	Kg. Nuri 85	Perumahan	150
88	Sungai Sebat	Kg. Nuri 86	Perumahan	150
89	Sungai Sebat	Kg. Nuri 87	Perumahan	150
90	Sungai Sebat	Kg. Nuri 88	Perumahan	150
91	Sungai Sebat	Kg. Nuri 89	Perumahan	150
92	Sungai Sebat	Kg. Nuri 90	Perumahan	150
93	Sungai Sebat	Kg. Nuri 91	Perumahan	150
94	Sungai Sebat	Kg. Nuri 92	Perumahan	150
95	Sungai Sebat	Kg. Nuri 93	Perumahan	150
96	Sungai Sebat	Kg. Nuri 94	Perumahan	150
97	Sungai Sebat	Kg. Nuri 95	Perumahan	150
98	Sungai Sebat	Kg. Nuri 96	Perumahan	150
99	Sungai Sebat	Kg. Nuri 97	Perumahan	150
100	Sungai Sebat	Kg. Nuri 98	Perumahan	150
101	Sungai Sebat	Kg. Nuri 99	Perumahan	150
102	Sungai Sebat	Kg. Nuri 100	Perumahan	150

MANUAL SISTEM CIRI-CIRI DESA MALAYSIA (CHARACTERISTICS OF RURAL MALAYSIA SYSTEM)

-CHARMS-

NOTA: Manual Pengguna ini memberikan maklumat yang diperlukan bagi pengguna untuk menggunakan sistem secara efektif bagi mendapatkan maklumat secara automatik.

A. MAKLUMAT UMUM

1.1 Sistem Keseluruhan

Aplikasi ini merupakan satu Sistem Maklumat Geografi berasaskan web yang membenarkan pengguna untuk memapar serta mencapai maklumat yang berkaitan secara atas talian yang mana ia boleh diakses melalui pelayar Internet dalam persekitaran siber. Reka bentuk aplikasi ini adalah sangat penting di dalam memberikan satu dimensi baru kepada arah tuju GIS bagi pihak Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF Desa Negara) 2030. Aplikasi ini diperlukan dalam memudahkan pengguna melayari pangkalan data GIS yang akan dibangunkan.

Objektif utama pembangunan CHARMs ialah:-

- Membuat keputusan perancangan dan pembangunan desa.
- Pemantauan DPF Desa Negara 2030.
- Sokongan kepada DPF Desa Negara 2030 dan kajian Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN)

Bagi mencapai objektif tersebut, terdapat 3 fungsi utama CHARMs iaitu:-

- Penentuan tahap kemampanan kampung
- Sistem menyokong keputusan untuk agihan sumber
- Memantau pelaksanaan DPF Desa Negara 2030

Berikut adalah keupayaan CHARMs:-

- Capaian Data Spatial bagi setiap kampung secara WebGIS
- Navigasi Data Spatial lokasi kampung bagi melihat persekitaran
- Carian Maklumat data Spatial & Bukan Spatial secara pantas
- Dirangkaikan dengan Laporan RFDN
- Dirangkaikan dengan gambar panoramic 3D menerusi StreetView
- Pelbagai pilihan peta dasar- Imej Satellite Google/Bing Map/OSM
- Mendapatkan ringkasan maklumat secara infografik

- Melaksanakan analisis bagi Kemampanan Kampung, Agihan Sumber dan Perlaksanaan dasar
- Berupaya mengemaskini secara atas talian.

2.0 RINGKASAN SISTEM

B. RINGKASAN SISTEM

Penggunaan aplikasi ini akan membolehkan pihak pengurusan memantau perkembangan aktiviti, penyediaan perancangan kampung dan persediaan projek tanpa perlu menggunakan perisian teras GIS. Bagi pengguna peringkat pengurusan, sistem ini menyediakan infografik membolehkan pengguna mendapat gambaran keseluruhan perkembangan kampung di Malaysia. Manakala peringkat pelaksana, sistem ini boleh digunakan bagi memperolehi perincian maklumat dan analisis setiap kampung secara spatial dan non-spatial. Seterusnya peringkat pentadbir sistem pula boleh mengemaskini maklumat kampung secara online serta melaksanakan urus-tadbir keatas sistem yang disediakan.

2.1 Konfigurasi Sistem

Komponen perkakasan utama yang diperlukan adalah pelayan. Pelayan diperlukan dalam menyediakan hosting bagi sistem yang dibangunkan serta menyimpan segala data dan maklumat secara berpusat. PLANMalaysia perlu menyediakan satu pelayan yang terkini supaya dapat menampung keperluan sistem ini. Adalah disarankan supaya sistem pengoperasian bagi pelayan tersebut adalah Window Server.

Komputer desktop atau riba harus mempunyai akses kepada internet. Keupayaan komputer dan kelajuan internet boleh menjejaskan penggunaan sistem ini. Spesifikasi komputer yang selesa digunakan adalah Intel Pentium 3 ke atas dengan memori 128 MB. Kelajuan internet pula dicadangkan lebih dari 5 Mbps.

Bagi pengguna sistem ini, keperluan asas perisian adalah pelayar web seperti Google Chrome, Firefox, Opera dan Internet Explorer. Penggunaan perisian seperti Adobe Reader dan Microsoft diperlukan bagi membaca data atau maklumat yang telah dimuat turun dari sistem ini.

2.2 Aliran Data

Pengguna boleh melayari maklumat menerusi paparan web yang disediakan dengan memilih menu-menu yang telah disediakan. Hampir keseluruhan menu hanya memerlukan pengguna mengetik menggunakan tetikus. Hanya carian berbentuk tekstual memerlukan pengguna menaip masuk nama carian. Tabular dan carta digunakan dalam memaparkan maklumat. Manakala bagi data spatial, paparan

fitur/objek adalah pada lokasi bersama peta dasar yang dipilih. Berikut adalah data-data yang terdapat dalam sistem ini.

No	Lapisan Data	Feature	Sumber
1	Kampung	<i>Point</i>	KKLW, KPKT, JKT, PLANMalaysia,
2	Sempadan Kampung	<i>Polygon</i>	PBT, KKLW
3	Sempadan (Bandar, wilayah, conurbasi, PBT dll)	<i>Polygon</i>	PLANMalaysia
4	Petempatan (PPK, PPD)	<i>Point</i>	PLANMalaysia
5	Guna Tanah (Semasa/Zoning)	<i>Polygon</i>	PLANMalaysia
6	Kependudukan	<i>Polygon</i>	Jab. Statistik
7	Kemudahan Pengangkutan (Jalan)	<i>Line</i>	JKR, PLANMalaysia
8	Alam Sekitar (KSAS)	<i>Polygon</i>	JAS
9	Pelancongan	<i>Point</i>	PBT, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
10	Prime Agriculture Area	<i>Polygon</i>	PLANMalaysia
11	Laluan bas	<i>Line</i>	SPAD
12	Risiko Bencana	<i>Polygon</i>	JPS, JAS, NAHRIM, JKR
13	Pusat Pengumpulan Tanaman	<i>Point</i>	FAMA
14	Tapak Pelupusan Sampah	<i>Point</i>	SWM

Lapisan Data GIS dan Sumber Data Yang Telah Diperolehi

2.3 Level Akses Pengguna

Pengguna terbahagi kepada 4 dengan tahap akses yang berbeza. Berikut adalah perinciannya:-


JADUAL AKSES PENGGUNA	KUMPULAN PENGGUNA			
	Awam	Berdaftar	Editor	Administartor
Paparan Peta Umum	/	/	/	/
Paparan 'Peta Berdaftar'	○	/	/	/
Create Data	○	○	/	/
Suntingan Data (Sendiri)	○	○	/	/
Suntingan Data (Keseluruhan)	○	○	○	/
Penerbitan (<i>Publish</i>)	○	○	○	/
Akses Paparan Admin	○	○	○	/
Mengurus Pengguna	○	○	○	/
Mengurus Template Sistem	○	○	○	/
Mengurus Tetapan Laman	○	○	○	/

Nota : Tahap akses ini akan tertakluk kepada pindaan oleh pemilik sistem.

2.4 Aliran Sistem

Berikut adalah carta alir keseluruhan CHARMS dan fungsi yang disediakan mengikut peringkat pengguna.

Carta Alir Aplikasi CHARMS



Sumber: Kajian DPF Desa Negara, 2014-2016.

3.0 PERMULAAN SISTEM

C. PERMULAAN SISTEM

Bahagian ini menyediakan panduan umum sistem dari mula hingga akhir penggunaan. Pengaturan penggunaan menerusi fungsi maklumat itu akan membolehkan pengguna memahami urutan dan aliran sistem. Panduan penggunaan berserta dengan snapshot sistem digunakan bagi menerangkan fungsi dan tatacara penggunaan.

3.1 Gerbang Portal

Pengguna boleh mengakses gerbang CHARMs dipautan charms.townplan.gov.my. Maklumat asas dan fungsi mengenai sistem ini terdapat dipaparan utama.



Gerbang ini digunakan pengguna untuk mengakses kepada 2 fungsi utama iaitu:-


- CHARMs melalui daftar masuk
- Laporan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara

Pada portal ini turut disediakan:-

- Polisi dan Penafian
- Peta Laman (Site Map)
- Carian
- Bantuan
- Pautan

3.2 Daftar Masuk

Pengguna berdaftar perlu memasukkan ID dan katalaluan untuk akses kepada sistem ini diruangan paparan yang telah disediakan.




3.3

Menu Utama

Pengguna yang berjaya mendaftar masuk akan dipaparkan dengan paparan peta WebGIS dengan pilihan bebutang mengikut fungsi dan topik. Terdapat bebutang yang mempunyai sub-topik bagi pengguna mengakses secara langsung ke menu paparan tersebut.

Antara topik kandungan maklumat ialah:-


- Sistem GIS
- Analisis Kemampanan
- Agihan Sumber
- Pencapaian
- Infografik
- Manual Pengguna
- Laporan



4.0 PENGGUNAAN SISTEM (ONLINE)

4.1 Tools Navigasi CHARMS

Tools GIS yang disediakan dapat digunakan untuk melayar dan menerokai peta interaktif yang disediakan. Antara tools GIS yang disediakan ialah zoom, pan, info, pengukuran dan cetakan. Penerangan kegunaan setiap tools GIS ditunjukkan dalam Jadual di bawah.



No	Simbol	Fungsi	Diskripsi
1		Zoom by draw	Membesarkan fitur dengan melukis kotak
2		Zoom In	Membesarkan fitur secara berkala
3		Zoom Out	Mengecilkan fitur secara berkala
4		Zoom Previous	Memaparkan paparan aktiviti jarak yang terakhir
5		Zoom Next	Memaparkan paparan aktiviti jarak yang terakhir
7		Pan	Membenarkan pergerakan paparan peta
8		Cetak/ Print	Membenarkan paparan peta dicetak dalam saiz A4
9		info	Memaparkan maklumat data fitur
10		Ukuran	Mengukur kawasan dan jarak fitur


- Secara amnya untuk navigasi, pengguna boleh juga menggunakan skrol pada tetikus tanpa perlu memilih bebutang disediakan. Tolak skrol bagi *zoom-in* manakala tarik skrol untuk *zoom-out*.
- Bagi menganjak (panning) paparan peta pula pengguna perlu klik serta tahan pada paparan peta dan seret kelokasi yang dituju.
- Menggunakan konsep Google Map, semakin peta di *Zoom-In* maka semakin banyak maklumat akan kelihatan.


Nota : Semua tool pilihan yang aktif perlu dinyah aktif semula supaya menu tool pilihan berikutnya akan dipaparkan

4.2 Kawalan Lapisan Data

Pengawalan lapisan data pada paparan peta dapat dilaksanakan di bahagian **Layers**.


1. Dikelompokkan mengikut karakter lapisan data GIS dengan fungsi kawalan On/Off lapisan data melalui bebutang kotak yang disediakan.




- Petunjuk akan dikeluarkan bersama dengan pengaktifan (On) lapisan data tersebut.
- Klik pada bebutang  bagi menutup panel Layer ini. Ini membolehkan paparan peta dimaksimumkan *extent*.

4.3 Tool Identify

Digunakan bagi mendapatkan maklumat fitur terhadap lapisan data secara pantas.





- Pengguna perlu memilih tool Identify  dan klik pada fitur di atas paparan peta.
- Pilih lapisan data dari susunan pada feature info untuk mendapatkan maklumat.
- Skrol pada roller bagi melihat maklumat terlindung.
- Klik pada pin bagi mengekalkan panel info pada paparan peta.

4.4 Carian

Tools GIS bagi menu carian (query) disediakan bagi memudahkan pengguna membuat carian mengikut atribut tertamanya berkenaan kampung dengan lebih pantas. Pengguna berupaya mendapatkan lokasi fitur carian (kampung) diatas paparan peta. Tools yang disediakan amat mudah dan mesra pengguna (Rajah L1.18). Selain itu pengguna juga dirangkaikan dengan carian lokasi yang terdapat dalam enjin Google contohnya nama pekan, bandar dan lain-lain.

Langkah penggunaan tool ini adalah dengan:-

1. Pilih salah satu lapisan data pada senarai kandungan untuk tujuan carian.
2. Aktifkan tool Query  bagi mengakses menu carian seperti dibawah.



nmukim	nkg	jk	bpndk	crkptp	jnprmh	kdfzbn
Chaah Bahru	Seri Gajah	Kampung Tradisi	0	Berselerak	Rumah Kampung	sederhan
Chaah Bahru	Temehil	Kampung Tradisi	0	Berjajar	Rumah Kampung	Sederhar
Bagan	Parit Kuda	Kampung Tradisi	0	Berselerak	Rumah Kampung	Sederhar
Linau	Beleman	Kampung Tradisi	0	Berjajar	Rumah Kampung	Sederhar
Linau	Bindu	Kampung Tradisi	0	Berjajar	Rumah Kampung	Sederhar
Linau	Part Lintang	Kampung Tradisi	0	Berjajar	Rumah Kampung	Sederhar

3. Menu ini menyediakan pengguna mendapatkan maklumat dengan menaip masuk nama carian dalam ruangan yang disediakan.
4. Dapatkan maklumat *field* carian dari menu pull-down. Contohnya bagi mencari kampung, pengguna perlu dapatkan “nkg” dalam senarai drop-down.
5. Pengguna perlu menaip masuk nama kampung contohnya Kg. Lonek

- Klik kanan pada nama kampung yang telah diperolehi dan **Zoom To** kepada kampung tersebut. Hasilnya akan dipaparkan lokasi kampung tersebut pada peta.

Bagi memudahkan pengguna mendapatkan carian lain, turut disediakan carian dari aplikasi Google yang membantu pengguna mencari lokasi-lokasi daerah, mukim, bandar, pekan dan taman.


- Carian Lokasi disediakan diatas panel layaran. Pengguna hanya perlu menaip masuk dan senarai nama lokasi tersebut akan keluar pada drop-down. Pengguna hanya perlu memilih nama lokasi carian dan paparan akan bergerak kelokasi tersebut.

4.5 Peta Dasar dan Imej Satelit


Pada asasnya peta dasar yang digunakan adalah dari Open Street Map, pembekal perkhidmatan data secara percuma dari perkhidmatan web. Selain itu pengguna boleh menukar peta dasar kepada beberapa pilihan lain seperti data GRID Asas, Google Roadmap dan Hybrid serta Bing Map.

Peta dasar yang mengandungi data imej satelit serta data asas lain dari perkhidmatan pemetaan web membantu menambahkan lagi maklumat serta penampilan sistem ini.


- Skrol paling bawah pada kandungan Layer sehingga ketemu Peta Dasar. Beberapa pilihan disediakan. Pengguna juga boleh menghilangkan semua peta dasar dengan memilih None.




2. Klik pada bebutang lapisan data Grid Asas peta dasar bagi melihat kategori yang dikelaskan dalam kajian ini sebagai penampilan peta dasar.
3. Pengguna yang ingin menampilkan imej satelit boleh memilih Google Hybrid.



4.6 Tool StreetView




Tool StreetView disediakan bagi membolehkan pengguna mendapatkan maklumat terperinci gambaran sebenar di tapak secara 3D. Pengguna boleh melayari gambar sepanjang jalan sebagaimana aplikasi Google Streetview. Langkah-langkah penggunaan:-

1. Pilih tool StreetView 
2. Pada paparan peta klik pada jalan utama disekitar kampung. Tetingkap (Window) baru akan rangkaikan lokasi tersebut pada gambar panoramik tapak. Pengguna boleh melayari dengan zoom-in/out dan pan dengan skrol tetikus pada gambar tersebut.
3. Klik tool enlarge bagi membesarkan tetingkap.

4.7 Tool Pengukuran

Digunakan bagi mendapatkan ukuran pada fitur di atas peta. Unit ukuran digunakan adalah meter dan kilometer bagi jarak manakala square meter dan square kilometer bagi keluasan. Langkah-langkah:-

1. Pilih bentuk ukuran yang diperlukan iaitu jarak atau keluasan.
2. Memerlukan pengguna mendigit daripada lokasi mula kepada lokasi akhir. Sepanjang pendigitan nilai unit ukuran akan dipaparkan. Untuk hentikan klik secara pantas
3. Klik tool kembali untuk nyah aktif tool.



4.8 Tool Analisis Tahap Kemampuan

Tool ini mengkhususkan kemampuan menganalisa bagi mendapatkan kedudukan berdasarkan tahap kemampuan kampung mengikut urutan kepentingannya. Penentuan ini dilakukan dengan sistem pemarkahan yang telah diperolehi dari kaedah MCDM-AHP. Hasil skoring akan dibahagikan kepada 4 kategori utama iaitu:-

- Amat Mampan
- Mampan
- Sederhana Mampan
- Kurang Mampan



The screenshot shows the CHARMs Desa software interface. The 'Kemampuan' tool is active, displaying a map and a list of dimensions. The 'Paparan' button is highlighted. A summary table shows the following data:

Kategori	Bilangan
Amat Mampan	5964
Mampan	5407
Sederhana Mampan	539
Kurang Mampan	38
Jumlah Keseluruhan	11948

The detailed data table is as follows:

No.	Daerah	Mukim	Nama Kampung	Jenis Kampung	Bilangan Penduduk	Kategori	Markah
1	Kuala Kangsar	Sungai Siput	Taman Sentosa	Kampung Taman Perumahan	340	AMAT MAMPAN	0.346
2	Alor Gajah	Gadek	Kg. Gadek	Kampung Tradisi	3765	AMAT MAMPAN	0.345
3	Kota Tinggi	Ulu Sungai Sedili Besar	Kg. Mawai Baru	Kampung Induk	2118	AMAT MAMPAN	0.334
4	Rompin	Rompin	Kg. Kuala Rompin	Kg. Tradisi	5240	AMAT MAMPAN	0.330
5	Johor Bahru	Plentong	Tarom	Tradisi	10500	AMAT MAMPAN	0.328

Langkah-langkah penggunaan:-


1. Pilih pada tool Kemampuan  bagi mendapatkan paparan fungsi ini.
2. Jika pengguna hanya berminat untuk mendapatkan kemampuan mengikut setiap dimensi yang digariskan, pengguna hanya perlu menandakan/klik pada kotak yang disediakan dipermulaan dimensi. Sekiranya tiada pilihan dilaksanakan, sistem menganggap pengguna ingin menganalisa bagi semua dimensi tertera.
3. Klik pada Paparan  bagi menjana analisis kemampuan setiap kampung.


4. Hasil menunjukkan bilangan kampung dalam 4 kategori yang telah dinyatakan tadi dalam bentuk jadual ringkasan.
5. Pada masa sama senarai kampung-kampung serta skoring yang diperolehi akan dipaparkan dalam bentuk susunan.
6. Hasil analisis dan jadual ini boleh dieksport ke dalam format Excel.
7. Pengguna boleh mendapatkan senarai kriteria yang digunakan dalam proses penentuan kemampunan kampung dengan memilih tool Kriteria **Kriteria** ini.
8. Pilih kembali tool Kemampunan bagi keluar dari paparan ini.

4.9 Tool Analisis Agihan Sumber

Analisis ini dilaksanakan bagi mengenalpasti kampung-kampung yang amat memerlukan kemudahan masyarakat mengikut susunannya. Penilaian adalah berdasarkan piawaian garis panduan kemudahan masyarakat dengan mengambikira kriteria utama seperti jumlah penduduk kampung dan kesediaan kemudahan tersebut.

Berikut adalah langkah-langkah penggunaan:-

1. Klik pada Agihan Sumber  bagi memaparkan paparan tersebut.
2. Pilih kumpulan kemudahan dan jenis kemudahan contohnya Kemudahan Kesihatan dan Klinik Desa. Pastikan memilih Negeri dan Daerah. Seterusnya klik pada Search.



The screenshot displays the 'Agihan Sumber' tool interface. The search form is populated with the following values:

- Kump. Kemudahan: Kemudahan Kesihatan
- Kemudahan: Klinik Desa
- Negeri: KELANTAN
- Daerah: Pilih Daerah

The search results table is as follows:

No.	Negeri	Daerah	Mukim	Nama Kampung	Jenis Kampung	Bilangan Penduduk
1	KELANTAN	BACHOK	TAWANG	Kg. Senok	Kampung Tradisi	6892


3. Hasil yang diperolehi dalam bentuk senarai kampung yang memerlukan kemudahan tersebut.
4. Ringkasan bilangan kampung yang memerlukan kemudahan akan tertera. Terdapat juga fungsi bagi mengekspot senarai data ini kepada MS Excel.

4.10 Tool Analisis Pencapaian

Tool ini bertujuan bagi membantu pihak agensi terlibat memantau dan menilai tahap pencapaian amnya seperti peratus pencapaian pelaksanaan pembangunan dikampung menerusi penjanaaan dan pengiraan dalam jadual maklumat CHARMS. Setiap peratus pelaksanaan projek perlu diisi oleh agensi pemantau bagi menilai keseluruhan tahap pencapaian. Template jadual telah disediakan bagi agensi pelaksana dan pemantau mengisi projek-projek yang dijalankan berdasarkan langkah yang telah digariskan. Berikut adalah contoh paparan bagi Pemantauan dan Penilaian Pencapaian apabila pengguna mengaktifkan fungsinya melalui menu yang disediakan. Susunan jadual adalah berdasarkan Teras.

Setiap Teras mempunyai pernyataan beberapa dasar dan bagi setiap dasar dihubungkan akan dihubungkan kepada indikator menerusi pautan yang disediakan. Melalui jadual ini juga skor pencapaian dalam bentuk peratus bagi setiap dasar dipaparkan berdasarkan warna yang telah diterangkan sebelum ini.

Langkah-langkah penggunaan tool ini:-

1. Klik pada tool Pencapaian  bagi mendapatkan paparannya.
2. Tampilan senarai setiap teras, pernyataan dasar, indikator dan peratus pencapaian. Peratus pencapaian ini bermaksud nilai janaan sistem bagi skor keseluruhan yang diperolehi dari indikator yang telah disediakan.

CHARMS Desa

Senarai Teras


TERAS	PENYATAAN DASAR	INDIKATOR	PENCAPAIAN
Teras 1 - PENGURUSAN MAMPAN ALAM SEKITAR DAN BIODIVERSITI			
Teras 1 merupakan komponen utama yang memberikan imej kehijauan dan kesejahteraan desa. Pemeliharaan sumber biodiversiti dan alam sekitar desa membantu dalam memberi peluang ekonomi kepada penduduk desa	T1-1 - Penjagaan KSAS dan Sumber Biodiversiti Negara	Strategi	0.00 %
	T1-2 - Pemerkasaan Peranan Komuniti Desa dalam Penjagaan Alam Sekitar	Strategi	0.00 %
	T1-3 - Pengurusan Risiko Bencana Yang Efektif	Strategi	0.00 %
Teras 2 - PENGUKUHAN HUBUNGAN SIMBIOTIK BANDAR DAN LUAR BANDAR			
Teras 2 menekankan fungsi pekan dan rangkaian perhubungan di desa bagi mewujudkan perhubungan dua hala yang efektif. Peranan pekan dan pengangkutan juga membantu dalam mengukuhkan ekonomi, tur dan	T2-1 - Merekayasa Pekan Sebagai Pemangkin Pembangunan Luar Bandar	Strategi	0.00 %
	T2-2 - Pengukuhan 'Urban - Rural Link'	Strategi	0.00 %

3. Setiap pernyataan dasar akan dihubungkan dengan paparannya melalui bebutang strategi. Klik pada strategi pernyataan dasar T1-1 Penjagaan KSAS dan Sumber Biodiversiti. Ruang pencapaian merupakan hasil peratus pencapaian pelaksanaan keseluruhan bagi strategi yang tersebut.

CHARMS Desa

Senarai Teras

TERAS	PENYATAAN DASAR	INDIKATOR	PENCAPAIAN					
Teras 1 - PENGURUSAN MAMPAN ALAM SEKITAR DAN BIODIVERSITI								
Teras 1 merupakan komponen utama yang memberikan imej kehijauan dan kesejahteraan desa. Pemeliharaan sumber biodiversiti dan alam sekitar desa membantu dalam memberi peluang ekonomi kepada penduduk desa	T1-1 - Penjagaan KSAS dan Sumber Biodiversiti Negara	Strategi	0.00 %					
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Strategi</th> <th>Keterangan</th> <th>Langkah-Langkah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>T1-1A</td> <td>Mewujudkan Piawaian Khas Kualiti Air, Udara Dan Bunyi</td> <td> <ol style="list-style-type: none"> Penetapan julat Piawaian Kualiti Air Kebangsaan Kriteria Kualiti Air Marin yang khusus bagi desa. Penubuhan stesen pemantauan kualiti air di desa. Penetapan julat Indeks Pencemar Udara (IPU) dalam piawaian status kualiti udara yang khusus bagi desa. Penubuhan stesen pemantauan kualiti udara di desa. Penetapan julat piawaian had bunyi bising yang khusus bagi desa. Penubuhan stesen pemantauan had bunyi bising di desa. </td> </tr> </tbody> </table>			Strategi	Keterangan	Langkah-Langkah	T1-1A	Mewujudkan Piawaian Khas Kualiti Air, Udara Dan Bunyi
Strategi	Keterangan	Langkah-Langkah						
T1-1A	Mewujudkan Piawaian Khas Kualiti Air, Udara Dan Bunyi	<ol style="list-style-type: none"> Penetapan julat Piawaian Kualiti Air Kebangsaan Kriteria Kualiti Air Marin yang khusus bagi desa. Penubuhan stesen pemantauan kualiti air di desa. Penetapan julat Indeks Pencemar Udara (IPU) dalam piawaian status kualiti udara yang khusus bagi desa. Penubuhan stesen pemantauan kualiti udara di desa. Penetapan julat piawaian had bunyi bising yang khusus bagi desa. Penubuhan stesen pemantauan had bunyi bising di desa. 						


4. Setiap strategi akan mempunyai langkah-langkahnya. Turut tersenarai ialah Agensi pemantau dan pelaksana berserta dengan maklumat projek. Pada maklumat projek juga terdapat Indikator Pencapaian Komponen. Hanya agensi pemantau berdaftar yang boleh mengubah peratus pencapaian tersebut.
5. Klik pada Senarai Teras bagi kembali pada paparan utama dan  sekiranya ingin kembali ke paparan peta.


Nota:- Peratus pencapaian akan berubah (meningkat) sekiranya terdapat perubahan atau penambahan projek yang dikemaskini oleh agensi pemantau yang dijadualkan secara tahunan. Ini dapat dilihat pada paparan utama peratus pencapaian bagi setiap dasar.

4.11 Tool Infografik

Digunakan bagi pengguna mendapatkan ringkasan maklumat secara carta dan jadual berkenaan bilangan kampung mengikut kategori kemampunan serta kemudahan masyarakat mengikut kawasan. Pengguna perlu memilih maklumat asas untuk disaring bagi mendapatkan statistik data terutamanya yang melibatkan kesediaan kemudahan mengikut jumlah kampung.

4.12.1 Mendapatkan bilangan kampung mengikut kategori kemampunan:-

1. Klik pada Infografik 
2. Pilih lokasi melalui menu disediakan dengan memasukkan Negeri, Daerah dan Mukim kawasan carian.
3. Pengguna tidak perlu memilih Kategori Kemampunan sekiranya ingin mendapatkan semua kategori kemampunan. Tetapi sekiranya ingin mendapatkan hanya salah satu kategori kemampunan, pengguna perlu memilih kategori dari senarai dari drop-down.
4. Klik pada Search bagi mendapatkan carta dan jadual. Pengguna boleh menukar carta bar kepada carta pie dengan memilih tab Pie yang disediakan.



4.12.2 Mendapatkan bilangan kampung mengikut Jenis Kemudahan

- Perbezaan dengan langkah di atas ialah pengguna perlu memasukkan kumpulan kemudahan dan jenis kemudahan pada senarai Kesediaan Kemudahan tersebut.
- Bagi menghilangkan paparan ini, pengguna perlu klik kembali kepada butang Infografik tadi.

Nota: Pastikan senarai Kategori Kemampanan tidak dipilih. Sekiranya diisi bermaksud pengguna ingin hanya mendapatkan kategori kemampanan.


5.0 MODUL PENGURUS SISTEM

5.1 Tool Suntingan Data


Tool suntingan data disediakan bagi membolehkan pengurus sistem membuat suntingan berdasarkan keperluan pengguna. Terdapat dua (2) jenis suntingan data yang dibenarkan dalam system ini iaitu :-


1. Mewujud/ memadamkan fitur spatial data
2. Mengemaskini maklumat pada data

Satu bentuk kawalan berupa kata laluan diwujudkan agar pengguna berdaftar berstatus *Editor* dan *Pentadbir Sistem* hanya dibenarkan untuk melaksanakan suntingan.



5.1.1 Mewujud/Memadamkan fitur spatial data

1. Pilih lapisan data yang ingin disunting dengan klik padanya.
2. Pilih Edit  dan Create. Menu login akan ditampilkan. Ini kerana hanya login tahap pengurus sistem sahaja yang boleh menyunting.
3. Masukkan id pengguna seperti tertera dengan katalaluan geoserver.




4. Pengguna boleh menambahkan point/titik baru dengan mendigit lokasi di atas peta tersebut. Maklumat tersebut juga boleh diisi dengan cara menaip masuk kandungan. Pastikan klik pada butang Save setelah selesai melaksanakan pembegmaskinian.


5.1.2 Mengemaskini maklumat data


1. Pilih lapisan data yang ingin disunting.
2. Pilih Edit dan Modify.
3. Pilih fitur yang ingin disunting dan klik pada bebutang Edit.
4. Pengguna boleh memasukan maklumat terbaru pada fitur tersebut. Setelah selesai, pastikan bebutang Save diketik.

5.2 Tool Suntingan Penampilan

Tool suntingan sistem disediakan bagi membolehkan pengguna berdaftar melakukan suntingan atau mengubah pada penampilan sistem mengikut kehendak pengguna. Suntingan ini melibatkan perubahan kartografi pada peta seperti warna, simbol dan text bagi paparan sistem. Hanya pentadbir sistem dibenarkan melaksanakan suntingan tampilan ini.



1. Klik pada Layer Style  bagi mengaktifkan suntingan tampilan.
2. Pengguna boleh menukar bentuk, saiz dan warna pada fitur dengan mengubah nilai yang telah dimasukkan.




3. Selain itu pengguna juga boleh menukar label. Kawalan terhadap saiz dan warna boleh dilakukan menggunakan tool ini.
4. Klik bebutang Save bagi menyimpan suntingan yang telah dilaksanakan.


5.3 Tool Suntingan Maklumat

Tool ini disediakan bagi memudahkan pengurus sistem (penyuting) mengemaskini maklumat bagi profil kampung pilihan secara atas talian. Hanya pengguna berdaftar sebagai pengurus sistem dapat melaksanakan kerja ini. Konsep menu *pull-down* digunakan bagi memudahkan pengguna melaksanakan aktiviti ini. Terdapat juga maklumat berbentuk teks dan nombor yang memerlukan pengguna menaip masuk.

Berikut adalah langkah-langkah bagi suntingan maklumat:-

1. Klik pada Kampung  Kampung. Satu paparan Kemaskini Maklumat Kampung bagi akan muncul.

Nota: -Bagi pengguna yang mempunyai akses akaun pengurus sistem, mereka boleh mengemaskini terus maklumat kampung. Sekiranya akaun pengguna biasa, fungsi ini tidak dapat diaktifkan.



Kemaskini Maklumat Kampung

Negeri:

Daerah:

Mukim:

Kampung:

Kemaskini Terakhir:

Nama Ketua Kampung:

Nama Penghulu:

PETEMPATAN

Jenis Kampung:

Corak Petempatan:

Jenis Rumah:

Keadaan Fizikal Bangunan:

Keadaan Fizikal Kampung:

Bilangan Rumah:

DEMOGRAFI

Bilangan Penduduk:


Lelaki:

Perempuan:

KEMUDAHAN ASAS

Jalan Masuk:

Pejabat Pos:

2. Pengguna perlu masukan pilihan Negeri, Daerah, Mukim dan Kampung tersebut bagi mendapat kampung yang diinginkan. Klik Cari bagi mengaktifkan carian.
3. Maklumat profil kampung tersebut akan dipaparkan. Pengguna hanya perlu mengantikan maklumat dengan menaip masuk teks/nilai sekiranya tiada menu *pull-down* disediakan.
4. Sekiranya terdapat bebutang disediakan bermaksud terdapat pilihan yang telah disediakan untuk pengguna memilih.
5. Bagi menyimpan segala maklumat yang telah disunting pengguna perlu *browse* pada bahagian akhir dan klik pada butang Simpan.
6. Bagi keluar dari paparan ini pengguna perlu klik pada butang  sekali lagi.


5.3 Tool Penyelenggaraan Sistem

CHARMs merupakan sistem yang dinamik dan berupaya untuk diselenggara oleh PLANMalaysia sebagai *custodian* melalui *stakeholder* Bahagian BRFN (Unit DPF Desa Negara) bagi tujuan kemas kini dan penambahbaikan sistem. Turut disediakan modul *administrative* yang membolehkan penyelenggara sistem (*system admin*) mengemaskini maklumat secara mudah.


5.3.1 Tool Pendaftaran Pengguna


Tool ini digunakan untuk mengawal akses ke dalam CHARMs dengan mendaftarkan pengguna mengikut level pengguna. Pengurus sistem berupaya mendaftar dan menamatkan akses pengguna dengan tool yang disediakan. Lazimnya, pengurus sistem akan menerima permohonan bagi mendaftar menerusi email.


Langkah-langkah pendaftaran kata laluan oleh pengurus sistem:-

1. Klik pada ikon  bagi memaparkan senarai keseluruhan. (pengurus sistem dikenalpasti menerusi katalaluan). Semua senarai pengguna berdaftar akan tersenarai



2. Pengurus sistem boleh melaksanakan pengurusan kata laluan dengan mengubah kata laluan dan ataupun menamatkan kata laluan tersebut. Bagi menyunting kata laluan pengguna hanya perlu klik pada simbol  dan terus dengan suntingan.



3. Bagi menamatkan penggunaan kata laluan tersebut, pengguna hanya perlu klik pada simbol  sahaja. Nama pengguna tersebut akan hilang dari senarai sedia ada.
4. Bagi pendaftaran pengguna baru, pengurus sistem perlu mengaktifkan butang Pendaftaran Pengguna Baru.

The screenshot shows a web-based registration form with the following fields and callouts:

- 5**: Points to the Email input field.
- 6**: Points to the Negeri (State) dropdown menu.
- 7**: Points to the No_Kad Pengenal (ID Card Number) input field, which contains the text "wan".
- 8**: Points to the Hantar (Submit) button.
- 9**: Points to the Senarai Pengguna (User List) button.

Other visible fields include Nama (Name), Derah (District) dropdown, and Kata Laluan (Password). The background of the form is a faded image of a wooden building.

5. Masukkan nama dan email pemohon dengan menaip masuk dalam ruangan yang disediakan. Id pengguna yang dicadangkan adalah email pengguna. Langkau kepada langkah no.7 sekiranya pengguna berdaftar biasa contohnya dari agensi terlibat.
6. **Perhatian:** Pilihan Negeri dan Daerah dikhaskan bagi pengguna berdaftar yang hanya boleh mengakses maklumat dalam negeri dan daerah tersebut sahaja. Ini dikhaskan bagi pengguna berdaftar seperti penghulu/pegawai daerah yang boleh menyunting maklumat pada kampung-kampung dalam daerah kawalan sahaja.
7. Masukan nombor kad pengenalan. Dicapangkan penggunaan nombor kad pengenalan pengguna sebagai nombor kata laluan pengguna. Namun pengurus sistem boleh memasukkan katalaluan selain nombor tersebut.
8. Klik Hantar bagi mendaftar pengguna ini. Padam sekiranya pengurus sistem ingin memulakan kembali atau mendaftar pengguna seterusnya.
9. Bagi kembali kepada senarai pengguna, pengurus sistem hanya perlu klik pada butang Senarai Pengguna. Semak kembali daftar nama yang telah dimasukkan.



**MANUAL SISTEM CIRI-CIRI DESA MALAYSIA
(CHARACTERISTICS OF RURAL MALAYSIA SYSTEM)
CHARMS**